



**POLISI HADIAH, KERAJIAN,
HOSPITALITI KORPORAT, TAJAAN,
SUMBANGAN KEBAJIKAN DAN
SUMBANGAN POLITIK**

**INDAH WATER KONSORTIUM SDN BHD
(Co. No: 199101001452 (211763-P))**



Kandungan

1. Tujuan.....	3
2. Skop	3
3. Prinsip.....	3
4. Hadiah	3
5. Keraian dan Hospitaliti Korporat.....	4
6. Tajaan dan Sumbangan Kebajikan	4
7. Sumbangan Politik	4
8. Pengecualian terhadap Polisi.....	4
9. Penutup	5

1. Tujuan

Sebagai sebuah organisasi penyedia perkhidmatan, Indah Water Konsortium Sdn Bhd (“IWK”) berbangga dengan hubungan yang kami ada dengan para pelanggan, penjual dan para pembekal yang berurusan dengan kami, dan perbezaan yang kita bina bersama mewujudkan pengalaman yang lebih bermakna untuk masyarakat umum. Salah satu nilai teras kami adalah ‘Integriti’ dan nilai teras yang penting ini diterapkan dalam setiap aspek perniagaan kami.

Kami komited untuk bersikap jujur, beretika dan berkelakuan dengan penuh integriti di tempat kerja. Dalam menjalankan perniagaan, kami tidak akan melibatkan diri dalam sebarang persepsi tidak wajar. Polisi kami berkenaan Hadiah, Keraian, Hospitaliti Korporat, Tajaan, Sumbangan Kebajikan dan Sumbangan Politik (“Polisi tersebut”) bermaksud tidak mengambil kesempatan dengan memberi atau menerima hadiah yang tidak wajar, keraian, hospitaliti korporat, tajaan, derma atau bayaran daripada mana-mana pelanggan, pembekal, pembekal berpotensi atau mana-mana individu yang mungkin mempengaruhi keputusan atau urus niaga perniagaan kami, sama ada sebagai sebuah syarikat mahupun individu. Kami tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang bentuk rasuah.

2. Skop

Polisi ini terpakai kepada semua kakitangan IWK dan ahli keluarga mereka.

3. Prinsip

Kami mahu hubungan dengan para pelanggan, rakan niaga, penjual, pembekal, kontraktor dan perunding menjadi titik perbezaan yang positif kepada IWK, di samping mencerminkan nilai teras kami.

Semua kakitangan dan pihak pengurusan kanan diharapkan dapat membuat pertimbangan yang sewajarnya dalam mengendalikan pemberian hadiah, keraian, hospitaliti korporat, tajaan, sumbangan kebajikan dan sumbangan politik dan mengamalkan tatalaku yang bersesuaian dengan prinsip-prinsip asas seperti yang termaktub dalam Kod Tatalaku IWK iaitu:

- Memastikan tahap integriti yang tinggi secara konsisten.
- Sentiasa melaksanakan penjagaan dan penilaian yang bersesuaian.
- Mengelakkan konflik kepentingan.
- Mencegah daripada menyalahguna kedudukan dan kuasa untuk kepentingan peribadi yang merugikan IWK.
- Mematuhi undang-undang, peraturan-peraturan dan dasar serta prosedur IWK.

4. Hadiah

Kakitangan IWK tidak dibenarkan memberi atau menerima wang atau perkhidmatan yang mempunyai nilai kewangan atau boleh dianggap sebagai ganjaran atau dorongan ketika berurusan dengan penjual/kontraktor sedia ada atau berpotensi, bagi pihak IWK dalam urusan perniagaan.

Ini termasuklah membekal makanan, minuman (alkohol/bukan alkohol), atau apa jua bentuk keraian termasuk acara sukan.

5. Keraian dan Hospitaliti Korporat

Keraian dan hospitaliti korporat merangkumi mana-mana kehadiran dalam majlis sosial, atau acara-acara lain, makan tengah hari, minum petang atau makan malam, sama ada melibatkan urusan perniagaan atau tidak dan sama ada diterima atau ditawarkan.

Kakitangan IWK tidak boleh membuat tuntutan makanan dan acara-acara, hadiah, sebarang pembayaran lain, perkhidmatan peribadi atau bantuan daripada rakan niaga sama ada untuk diri sendiri atau orang lain.

6. Tajaan dan Sumbangan Kebajikan

Permintaan untuk tajaan dan sumbangan kebajikan kadangkala bertujuan untuk mengaburi aktiviti rasuah. Tiada sumbangan kebajikan boleh dilakukan sekiranya sumbangan tersebut boleh dianggap sebagai mempengaruhi pihak lain yang mana IWK mempunyai hubungan perniagaan dengan pihak tersebut.

Semua permohonan tajaan dan sumbangan kebajikan mesti mematuhi kriteria-kriteria berikut:

- Mematuhi Terma Rujukan Penajaan (TOR) dan SOP Pengurusan Acara seperti yang telah disediakan oleh Jabatan Komunikasi Korporat ("CCD").
- Sumbangan dibenarkan oleh undang-undang terpakai.
- Memperolehi semua kebenaran dalaman dan luaran yang diperlukan.
- Mempunyai entiti sah yang mempunyai struktur organisasi yang mencukupi untuk menjamin pengurusan dana yang betul.
- Dinyatakan dengan tepat dalam buku dan rekod perakaunan Syarikat.
- Tidak boleh digunakan untuk menyelindungi pembayaran yang tidak wajar atau rasuah.

7. Sumbangan Politik

IWK tidak memberi atau menawarkan sumbangan politik sama ada dalam bentuk wang tunai atau barangan atau perkhidmatan yang sama nilai dengannya kepada pegawai parti politik atau calon jawatan awam. Kakitangan IWK boleh memilih untuk memberi sumbangan politik secara peribadi bersesuaian dengan had yang telah ditetapkan oleh undang-undang terpakai. Walau bagaimanapun, kakitangan IWK harus menjelaskan bahawa hubungan politik tersebut adalah di atas kapasiti mereka secara individu.

8. Pengecualian terhadap Polisi

Berikut merupakan pengecualian untuk penerimaan hadiah di bawah Polisi ini:

- i. Pertukaran hadiah di antara dua (2) syarikat (contoh: pertukaran hadiah antara syarikat adalah sebahagian daripada lawatan rasmi syarikat/kunjungan hormat dan hadiah tersebut kemudiannya dianggap sebagai harta Syarikat),
- ii. Hadiah daripada Syarikat kepada institusi luar atau individu yang mempunyai kaitan dengan majlis rasmi Syarikat, acara dan sambutan perayaan (contoh: hadiah peringatan atau cenderamata yang diberikan kepada semua tetamu yang hadir),
- iii. Hadiah daripada IWK kepada kakitangan yang mempunyai kaitan dengan majlis rasmi, acara dan sambutan perayaan Syarikat yang diiktiraf sama ada dalaman atau luaran (contoh: sebagai pengiktirafan terhadap perkhidmatan kakitangan kepada Syarikat),
- iv. Token hadiah bernilai nominal yang mengandungi logo Syarikat (seperti pen, buku nota, buku perancang, kalendar dan barang-barang promosi kecil yang lain) yang diberikan kepada kakitangan, pelanggan, delegasi, pelajar dan orang ramai yang menghadiri acara seperti persidangan, pameran, latihan, pameran kerjaya dan lain-lain lagi yang dianggap sebagai sebahagian daripada aktiviti penjenamaan dan promosi Syarikat, dan
- v. Hadiah kepada pihak luar yang tidak mempunyai urusan perniagaan dengan IWK (contoh: wang tunai atau barangan atau perkhidmatan sama nilai dengannya kepada badan kebajikan).

9. Penutup

Kakitangan IWK dikehendaki untuk memaklumkan secara professional kepada penjual, penjual berpotensi dan pihak-pihak lain berkenaan Polisi ini dan tujuan Polisi ini diguna pakai di IWK. Kakitangan IWK harus meminta agar pihak penjual menghormati Polisi Syarikat dan tidak menawar atau memberikan apa-apa hadiah, kerajaan, tajaan, atau sumbangan politik kepada mana-mana kakitangan IWK, jabatan, unit pejabat atau Syarikat, pada bila-bila masa dan atas alasan apa sekalipun.

Sekiranya kakitangan IWK atau jabatan menerima hadiah, kerajaan, tajaan atau sumbangan politik:

- Sekiranya berpeluang, kembalikan kepada penjual.
- Sekiranya tidak berpeluang untuk dikembalikan, hadiah tersebut perlu diisytihar dengan segera dan hadiah itu akan disumbangkan kepada badan kebajikan yang dikenalpasti oleh IWK.

Sekiranya mana-mana kakitangan IWK mempunyai pertanyaan/memerlukan penjelasan lanjut berkenaan Polisi ini, boleh menghubungi Unit Integriti dan Governans atau Seksyen Perhubungan Pekerja/Jabatan Modal Insan & Pentadbiran ("HCAD"). Sebarang pengecualian terhadap Polisi ini hanya dengan kebenaran daripada Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") Syarikat.